



PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 23, KOMTAR
10990 Georgetown, Pulau Pinang
Tel : 04-650 5183 Faks : 04-2614399
<http://jkn.penang.gov.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. QMS 02304



Ruj Kami : JKNPP/(S)05/02/5 Jld.11 (5)

Tarikh : 4 Jun 2025

7 Zulhijjah 1446H

Semua Ketua Jabatan Negeri
Pulau Pinang

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Pulau Pinang

Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Pulau Pinang

YB Dato'/ Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr./ Yang Amat Arif/ YBhg. Dato'/
YBhg. Datin/ YBrS Dr./ Tuan/ Puan,

**PINDAAN SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI (SPKN) BILANGAN 4
TAHUN 2019 – (PENAMBAHBAIKAN PERATURAN KELULUSAN ARAHAN
PERUBAHAN KERJA (APK) BAGI KONTRAK NEGERI)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti YB Dato'/ Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr./ Yang Amat Arif/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrS Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan Negeri telah menerima pakai keseluruhan Pekeliling Perbendaharaan dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri (SPKN) Bilangan 4 Tahun 2019 – Menerima Pakai Keseluruhan Pekeliling Perbendaharaan dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

3. Peraturan semasa Arahan Perubahan Kerja bagi kontrak Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah berdasarkan ketetapan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4.1 - *Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan Secara Am*. Walau bagaimanapun, jabatan ini telah membuat penambahbaikan dan menetapkan bahawa kuasa melulus APK diberikan kepada Jabatan Teknik bagi kontrak yang ditadbir dibawah bawah jabatan berkenaan, tertakluk kepada nilai ambang dan peratus perubahan terkumpul seperti di Jadual I(a) dan Jadual I(b). Manakala, bagi kontrak Kerajaan Negeri yang tidak ditadbir oleh Jabatan Teknik, kuasa melulus APK adalah kekal seperti sedia ada seperti di Jadual II.

4. Jadual Arahan Perubahan Kerja Bagi Kontrak Negeri yang telah ditambah baik adalah seperti berikut:

Perkara	Lampiran
i. Jadual I (a): Peraturan Arahan Perubahan Kerja Bagi Jabatan Teknik (Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang) yang Melibatkan Kontrak Negeri.	Lampiran 1
ii. Jadual I (b): Peraturan Arahan Perubahan Kerja Bagi Jabatan Teknik (Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang) yang Melibatkan Kontrak Negeri.	Lampiran 2
iii. Jadual II: Peraturan Arahan Perubahan Kerja Bagi Semua Agensi Selain Jabatan Teknik Yang Melibatkan Kontrak Persekutuan, Kontrak Badan-Badan Berkanun dan Kontrak Negeri.	Lampiran 3

5. Kerjasama YB Dato'/ Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr./ Yang Amat Arif/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrs Dr./ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya serta memaklumkan kepada semua pegawai dan kakitangan di bawah kawalan dan seliaan YB Dato'/ Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr./ Yang Amat Arif/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrs Dr./ Tuan/ Puan mengenai pindaan ini yang berkuat kuasa mulai 30 Mei 2025.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' ZABIDAH BINTI SAFAR)

Pegawai Kewangan Negeri

☎ : 04-6505183

✉ : zabidah@penang.gov.my

SENARAI EDARAN

YB Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 25, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 48, KOMTAR
10000 PULAU PINANG

YAA Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang
No. 3, Jalan Batu Gantung
10450 PULAU PINANG

Pengarah Tanah dan Galian
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Pulau Pinang
Paras 3, 21 dan 22, KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Pengarah
PLANMalaysia@Pulau Pinang
Jabatan Perancang Bandar dan Desa
Tingkat 57, KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Pulau Pinang
Lebuh Pantai
10300 PULAU PINANG

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah
Daerah Timur Laut
Tingkat 50 dan 51, KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah
Daerah Barat Daya
11000 Balik Pulau
PULAU PINANG

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah
Seberang Perai Tengah
Jalan Betik, Sungai Rambai
14000 Bukit Mertajam
PULAU PINANG

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah
Seberang Perai Selatan
14200 Sungai Jawi
PULAU PINANG

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah
Seberang Perai Utara
Peti Surat 1362
13200 Kepala Batas
PULAU PINANG

Pengarah
JKR Negeri Pulau Pinang
Jalan JKR, Sungai Pinang
11600 Georgetown
PULAU PINANG

Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 55, KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar
Negeri Pulau Pinang
Bukit Tengah
14000 BUKIT MERTAJAM.

Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Negeri Pulau Pinang
Lapisan 30, KOMTAR
10564 PULAU PINANG

Pengarah
Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang
Jalan Kulim, Cherok Tok Kun
14000 Bukit Mertajam
PULAU PINANG

Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 20, KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Pengarah
Jabatan Taman Botani Pulau Pinang
Jalan Kebun Bunga
10350 PULAU PINANG

Setiausaha Sulit kepada
TYT Yang di-Pertua Negeri
Pejabat Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
Seri Mutiara, Jalan Utama
10500 PULAU PINANG

Ketua Pendakwa Syarie
Jabatan Pendakwaan Syariah Pulau Pinang
Tingkat 18, Menara JKP
128, Jalan Macalister
10400 PULAU PINANG

JADUAL 1(a)
(TENDER)

PERATURAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA BAGI JABATAN TEKNIK
(JABATAN KERJA RAYA NEGERI PULAU PINANG)
YANG MELIBATKAN KONTRAK NEGERI

BIL	NILAI PERUBAHAN	PIHAK BERKUASA MELULUS
(a)	Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 10% daripada nilai kontrak ATAU jika harga asal kontrak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi RM1 juta.	Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa yang dinamakan di dalam kontrak.
(b)	Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM15 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 25% daripada nilai kontrak ATAU jika harga asal kontrak melebihi RM15 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi RM3.75 juta.	Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah JKR Negeri
(c)	Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM30 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 30% ATAU jika harga asal kontrak melebihi RM30 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi RM9 juta.	Lembaga Perolehan Negeri
(d)	Dalam semua hal lain.	Pegawai Kewangan Negeri

**JADUAL I (b)
(TENDER)**

**PERATURAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA BAGI JABATAN TEKNIK
(JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI PULAU PINANG)
YANG MELIBATKAN KONTRAK NEGERI**

BIL	NILAI PERUBAHAN	PIHAK BERKUASA MELULUS
(a)	Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 10% daripada nilai kontrak ATAU jika harga asal kontrak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi RM1 juta.	Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa yang dinamakan di dalam kontrak.
(b)	Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 20% ATAU jika harga asal kontrak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi RM2 juta.	Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah JPS Negeri
(c)	Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM20 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 20% ATAU jika harga asal kontrak melebihi RM20 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi RM4 juta.	Lembaga Perolehan Negeri
(d)	Dalam semua hal lain.	Pegawai Kewangan Negeri

JADUAL II
(TENDER)

**PERATURAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA BAGI SEMUA AGENSI SELAIN
JABATAN TEKNIK YANG MELIBATKAN KONTRAK PERSEKUTUAN,
KONTRAK BADAN-BADAN BERKANUN DAN KONTRAK NEGERI**

BIL	NILAI PERUBAHAN	PIHAK BERKUASA MELULUS
(a)	Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 10% daripada nilai kontrak ATAU jika harga asal kontrak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi RM1 juta.	Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa yang dinamakan di dalam kontrak.
(b)	Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM20 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 20% ATAU jika harga asal kontrak melebihi RM20 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi RM4 juta.	Lembaga Perolehan Agensi
(c)	Dalam semua hal lain.	Pegawai Kewangan Negeri

